

Jaminan Tengku Razaleigh

Masa depan getah asli tambah baik

KUALA LUMPUR, Ahad — Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah memberi jaminan masa depan getah asli bertambah baik memandangkan keadaan ekonomi antarabangsa dalam enam bulan kedua tahun ini beransur-ansur pulih.

Menurut beliau, langkah-langkah baru kerajaan memperkenalkan di samping likhtar lain oleh pihak swasta akan membantu memperkukuhkan arah aliran harga getah.

2 Setiausaha Politik Datuk Musa dilantik

KUALA LUMPUR, Ahad — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam telah melantik Encik Abdul Ajib Haji Ahmad, 33 tahun sebagai Setiausaha Politik kepada Timbalan Perdana Menteri.

Encik Abdul Ajib, lulusan Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya dulunya ialah Setiausaha Politik kepada Menteri Pelajaran.

Beliau telah berkhidmat sebagai Setiausaha Politik sejak tahun 1975 ketika Datuk Musa menjadi Menteri Perusahaan Utama dan kemudiannya Menteri Pelajaran.

Encik Abdul Ajib ialah ahli Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Labis.

Di dalam satu kenyataan hari ini, Datuk Musa Hitam juga melantik Encik Ismail Kamaluddin sebagai Setiausaha Politik kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Encik Ismail, 34 tahun, berkelulusan Sarjana Muda Sains (kepujian) dalam bidang sains kebajikan, politik dan ekonomi dari Universiti Bristol, United Kingdom.

Beliau bekas pelajar Maktab Tentera Diraja, Sungai Besi dan pernah menjadi Pegawai Tadbir dan Diplomat di Unit Perancang Ekonomi dari tahun 1971 hingga 1973.

Beliau ialah ketua

"Segala usaha ini akan membantu meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil getah kerana kerajaan sentiasa mengutamakan kebajikan mereka," katanya lagi.

Tengku Razaleigh menjelaskan demikian dalam satu sidang akhbar mengenai perubahan kepada Struktur Duti Eksport Getah di pejabatnya di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Perusahaan Utama, Datuk Paul Leong dan Ketua Setiausaha Perindustrian, Tan Sri Thong Yaw Hong.

Menteri Kewangan juga sedar golongan pengisar dan pembungkus kecil getah perlu dibantu untuk meningkatkan mutu pengeluaran mereka.

"Oleh itu saya sedia mengkaji kedudukan mereka dan pekebun-pekebun kecil dari masa ke semasa supaya langkah-langkah lebih berkesan termasuk galakan-galakan dapat diadakan," jelasnya lagi.

Mengenai harga getah pula, Tengku Razaleigh berkata harganya mula jatuh di awal tahun 1980 iaitu dari kemuncakannya 188 sen sepaun (Februari 1980) kepada harga purata bagi RSS 1 sebanyak 142 sen di akhir tahun tersebut.

Bagaimanapun, jelasnya, sejak Januari tahun ini harga getah terus jatuh dari 137 sen kepada kira-kira 119 sen saja dalam bulan Jun.

"Harga terus jatuh lebih rendah dari 104 sen sebelum naik sedikit kepada 109 sen di akhir bulan lalu," ujarinya lagi.

Menurut beliau, kadar pemulihan ekonomi negara-negara maju masih lambat kecuali Jepun dan permintaan dari Russia dan China lebih rendah dari biasa.

"Ini telah membawa kesan kepada pemasaran getah asal," katanya.

Beliau menambah, musim cuti bulan Julai dan Ogos di Eropah dan Amerika Syarikat juga menyebabkan kejatuhan permintaan.

"Kejatuhan harga getah ini juga boleh disebabkan oleh elemen-elemen spekulasi menjangka harga akan turun," kata beliau lagi.

Tengku Razaleigh berkata disebabkan kadar fadad pinjaman yang tinggi di negara-negara Barat, mereka terpaksa menghadkan barang-barang keperluan ke paras paling minima.

Menteri Kewangan bagaimanapun menjelaskan sunguhpun keadaan pasaran getah lembab, tapi kejatuhan harga dirasakan tidak setimpal dengan keadaan sebenar antara permintaan dan penawaran yang terdapat sekarang.

Ini, katanya terbukti kerana harga getah asli adalah 15 hingga 20 peratus lebih rendah dari harga getah tiruan.



■ ENCIK ISMAIL

Pemuda UMNO Cawangan Bandar Pulau.

Dalam kenyataan itu, Datuk Musa juga melantik Encik Harun Karim, 49 tahun, sebagai pegawai khas kepada Timbalan Perdana Menteri, Encik Samad Mahadi, 41 tahun, sebagai Setiausaha Akhbar kepada Timbalan Perdana Menteri, Encik Marwillis Haji Yusuf, 35 tahun sebagai Setiausaha Akhbar kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Encik Dahlan Rahman, 39 tahun sebagai Pegawai Perhubungan Awam.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia